

Menjernihkan Masalah Kemiskinan

oleh

Mohamed Imran Mohamed Taib

Kemiskinan terdapat di mana-mana dalam masyarakat dunia, termasuk di negara kita. Dalam ruangan mimbar pembaca akhbar ini, hal ini turut dibincangkan. Sebagai masalah sosial, ia wujud dalam pelbagai tingkat dan bentuk. Terdapat pelbagai corak kemiskinan seperti antara mutlak dengan relatif.

Yang pertama merujuk kepada jenis kemiskinan paling parah, iaitu keadaan tidak terurus dari segi keperluan asas seperti makanan, tempat berteduh dan pakaian. Yang kedua merujuk kepada jenis kemiskinan yang diukur mengikut taraf minimum kehidupan yang boleh dianggap selesa bagi pengembangan diri setiap individu dalam sesebuah masyarakat, walaupun keperluan asasnya tetap terurus.

Apa jua jenis dan bentuk kemiskinan yang wujud dalam masyarakat, ia merupakan suatu gejala sosial yang tidak dapat kita abaikan atas dasar kemanusiaan. Setiap kemiskinan merupakan penderitaan yang tercipta akibat struktur masyarakat yang tidak seimbang. Dalam struktur masyarakat yang tempang, akses kepada sumber kemewahan menjadi hak istimewa golongan tertentu dan masyarakat tidak menemukan mekanisme untuk mengagihkan sumber dan hasil kemewahan secara lebih adil.

Sepanjang perkembangan dunia dalam dekad yang lalu, jelaslah ketempangan struktur merupakan punca utama wujudnya jurang kaya-miskin yang semakin membesar dalam masyarakat dunia. Menurut Laporan Pembangunan Insan (Human Development Report) 2006, 500 individu terkaya di dunia meraih pendapatan lebih AS\$100 bilion (\$150 bilion) seorang dan melebihi gabungan pendapatan bagi 416 juta golongan paling miskin di dunia.

Menurut laporan itu, 20 peratus daripada masyarakat dunia mempunyai pendapatan kurang daripada AS\$2 sehari dan gabungan pendapatan mereka hanya mencapai 2 peratus daripada pendapatan 10 peratus teratas golongan terkaya dunia. Oleh itu, kemiskinan merupakan suatu masalah yang sangat rumit. Dalam melihat isu kemiskinan, kita tidak seharusnya mengambil pendekatan simplistik.

Sebagai contoh, jika di dalam sesebuah masyarakat berjumlah 1,000 orang terdapat satu atau dua orang miskin, mungkin kita dapat mengatakan ia sebagai masalah peribadi. Mungkin seorang dua yang kurang daya usahanya atau ada masalah peribadi lain yang mengakibatkan kemiskinannya. Namun, jika terdapat 100 individu yang miskin dalam masyarakat itu, dapatkah kita menggolongkannya sebagai masalah individu? Jika ini terjadi dan jumlah kemiskinan dalam masyarakat agak substantif, jelaslah kita sedang menghadapi masalah struktur yang memerlukan pendekatan menyeluruh.

Dalam menangani masalah kemiskinan, seringkali perspektif yang dangkal menjadi hambatan utama dalam kalangan penggubal dasar. Maka perlulah diluruskan dahulu cara kita memahami isu kemiskinan ini.

Pertama, kita harus memandang setiap gejala kemiskinan secara serius dan usah meremehkannya dengan membuat perbandingan keliru antara kemiskinan mutlak dan relatif. Contohnya, kita tidak boleh mengatakan bahawa orang miskin yang hidup di kota mewah lebih bernasib baik dan patut bersyukur kerana keadaan mereka tidak seteruk golongan miskin yang kebuluran seperti di benua Afrika. Yang miskin tetap miskin dan menderita, walaupun ada perbezaan antara kemiskinan kota dan desa. Setiap kemiskinan harus dicari huraian secara serius mengikut konteks di mana ia wujud.

Kedua, sindrom menyalahkan si miskin atas nasib yang menimpa mereka harus dihapuskan (terdapat dalam sebuah surat di mimbar pembaca BH). Kemiskinan harus dilihat sebagai gejala sosial dan bukan masalah peribadi. Maka jalan penyelesaiannya harus ditumpukan pada aspek-aspek struktural dan bukannya aspek individu seperti 'masalah minda', 'malas berusaha', 'kurang motivasi' dan 'mudah menyerah pada takdir'.

Sindrom menyalahkan si miskin ini sangat dominan di kalangan kelas menengah yang menganggap kedudukan selesa mereka sebagai hasil daya usaha mereka semata-mata tanpa melihat adanya unsur-unsur lain seperti lingkungan kelas, kelebihan modal sosial, dasar awam yang berat sebelah, ideologi kepimpinan, percaturan politik, beban sejarah, sistem perekonomian, pengagihan sumber, jaring bantuan sosial (social safety net), dasar pendidikan dan sebagainya.

Ketiga, hubungan paternalistik (kebapaan) antara yang dibantu dan yang membantu harus difikirkan semula. Kebanyakan program yang dilakar tidak mengambil kira pandangan dan usulan daripada golongan miskin itu sendiri. Keterlibatan golongan miskin dalam melakar program bantu diri harus diberi pertimbangan serius kerana mereka harus menjadi subjek dalam proses memperkasa dan bukannya sekadar objek bagi laporan-laporan kegiatan tahunan.

Pelibatan golongan miskin itu sendiri akan memberi ruang bagi mereka membangkitkan harapan (*sense of hope*) melalui proses memikirkan bersama jalan-jalan terbaik bagi mengatasi masalah yang membelenggu hidup mereka. Proses sebegini sememangnya lebih berkesan daripada pendekatan paternalistik yang cenderung menguatkan sikap kebergantungan si penerima kepada si pemberi, yang kadangkala merendahkan harga diri si penerima.

Usaha mencari huraian bagi masalah kemiskinan haruslah menerapkan perspektif yang lurus. Sifat tinggan rasa (empati) juga haruslah dipupuk dalam upaya menangani gejala kemiskinan. Tidak ada manusia yang mahu hidup menderita dalam kemiskinan. Juga, tidak ada manusia yang tidak mahu berusaha bagi mengatasi penderitaannya. Jika ada golongan yang tidak berdaya dan tiada semangat untuk bangkit daripada lingkaran kemiskinannya, ia disebabkan faktor struktural yang berpanjangan sehingga semangat harapan mereka pudar.

Persoalannya: Sejauh mana kita dapat menggali punca sebenar kemiskinan, berhenti menyalahkan golongan miskin sebagai penyebab kemiskinan dan mula melibatkan mereka dalam mencari huraian bersama yang membawa kesedaran kritis akan gejala yang sebenarnya bersifat struktural ini?

Artikel ini telah diterbitkan dalam *Berita Harian*, 9 Julai 2009.